

BAB LIMA

BAB V

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN:

Daripada analisis yang dijalankan di dalam kajian ini maka dapatlah disimpulkan intisari-intisarinya sebagaimana berikut:

- (i) Dalam usaha membentuk negara Islam Madinah, Rasulullah (s.a.w.) telah membentuk dua strategi asas, iaitu strategi jangka panjang dan strategi jangka pendek. Strategi jangka panjang bermaksud perancangan yang dilaksanakan bertujuan mendapat kejayaan pada jangka masa tertentu. Antara strategi jangka panjang utama yang dilaksana oleh Rasulullah (s.a.w.) ialah berusaha mempamer ketokohnanya sebagai seorang pemimpin yang berwibawa, menyebar kesedaran kepentingan hidup beragama, memantap program tarbiyah, memperkenal program khidmat masyarakat, berhijrah ke Madinah, memaksima peranan masjid, memperteguh semangat perpaduan, mewujud perlembagaan negara, memperkenal dasar pengagihan dan penyerahan kuasa, dasar menghormati undang-undang, dasar syura dalam memimpin, berusaha mendapat pengiktirafan dan mempertahankan prinsip kedaulatan.

- (ii) Manakala strategi jangka pendek memberi bermaksud perancangan yang dilaksana bagi mendapat kejayaan secara langsung dan segera. Dalam konteks perjuangan Rasulullah (s.a.w.) membentuk negara mendapati strategi jangka pendek utama ialah mengambil sikap bertahan seketika dalam menghadapi musuh, berusaha mengeliru musuh, mengaplikasi kepakaran seseorang, berusaha mencari perlindungan ataupun suaka politik, cuba mempengaruhi *mad'ū* melalui sumbangan kebajikan, melaksana dasar *al-tadarruj* dalam pentadbiran dan mewujud dasar perwakilan dalam pentadbiran. Melalui strategi jangka panjang dan pendek serta disusuli pula dengan aplikasi yang kemas dan tersusun, maka selepas 13 tahun mula tertegak sebuah negara Islam di Madinah.
- (iii) Asas-asas negara Madinah yang dibina oleh Rasulullah (s.a.w.) memenuhi *standard* sebagaimana yang dikehendaki oleh dunia moden hari ini iaitu tanah air, kekuasaan, kedaulatan, rakyat dan perlaksanaan undang-undang. Bahkan Perlembagaan Madinah yang dikenali sebagai *Mithaq al-Madinah* diiktiraf sebagai satu perlembagaan bertulis pertama di dunia dalam konteks sejarah tamadun pembentukan negara.
- (iv) Rasulullah (s.a.w.) menggariskan satu pentadbiran yang cekap dan kondusif. Ia bermula dengan pembentukan sebuah kabinet pentadbiran yang lengkap dan menyeluruh bagi memacu pentadbiran kearah yang lebih *efesyen*, dinamik dan realistik. Ini dibuktikan dengan Rasulullah (s.a.w.) membahagikan pentadbiran kepada tiga tahap iaitu pentadbiran peringkat pusat, peringkat wilayah dan

kementerian. Pentadbiran pusat mengandungi jawatan-jawatan seperti ketua dan timbalan ketua negara, pentadbiran awam, pentadbiran pusat, *al-musyir* (penasihat), *kātib* (setiausaha), *saffārah* (wakil), *nawwāb* (pesuruhjaya) dan tugas-tugas am. Manakala di peringkat wilayah pula terdapat jawatan-jawatan seperti gabenor, pentadbir tempatan, naqib, hakim, pentadbir pasar. Di peringkat kementerian ialah Kementerian Kewangan, Kementerian pembangunan sosial dan kementerian ketenteraan.

- (v) Dalam konteks PAS, usaha membentuk sebuah negara Islam merupakan satu misi yang paling penting dalam perjuangan parti. Ini dibuktikan melalui *track record* parti tersebut semenjak ditubuhkan pada tahun 1951 sehingga sekarang mendapati dasarnya tidak berubah dari segi visi dan misi perjuangan. Bahkan pada saban tahun di dalam ucapan dasar perhimpunan agong (muktamar), mendapati pemimpin tertinggi PAS sentiasa memperingat dan mempertegas hasrat terbesar parti mereka iaitu membentuk sebuah negara Islam.
- (vi) PAS menegaskan bahawa hukum membentuk sebuah negara Islam adalah wajib. Manakala definisi negara Islam menurut PAS ialah sebuah negara yang diterajui oleh orang Islam yang melaksanakan segala hukum dan syariah Allah (s.w.t.) sebagaimana yang telah ditunjukkan contohnya oleh Rasulullah (s.a.w.). Rentetan itu, dalam konteks Malaysia, PAS berpendapat bahawa Malaysia belum lagi mencapai status sebuah negara Islam yang tulin kerana hukum dan syariah

Allah (s.w.t.) tidak direalisasikan secara syumul di samping berlaku beberapa kemungkar dan perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak.

- (vii) Bagi memenuhi tuntutan membentuk negara Islam, maka PAS telah menggarap strategi jangka panjang dan jangka pendek. Antara strategi jangka panjang utama PAS ialah membangkit isu negara Islam untuk di ketengahkan kepada masyarakat, mengutamakan pengukuhan akidah Islamiyah samada melalui saluran penulisan, penerbitan maupun pentarbiyahan, mendekati non-muslim, membina rangkaian global, menerap nilai-nilai Islam dalam kerajaan, memperkasa kepemimpinan ulama, memprogram usaha perkaderan dan tarbiyah haraki ahli, menggabungkan peranan ulama dan profesional dan menggerakkan sektor kemasyarakatan secara proaktif.
- (viii) Manakala strategi jangka pendek PAS tertumpu kepada memperjuang kemerdekaan, menggabung Islam dengan kebangsaan Melayu, menyertai pilihan raya, mewujud pakatan politik, menangani isu-isu semasa serta mewujud dua manifesto berlainan pada satu masa.
- (ix) Kebanyakan strategi yang disusun oleh PAS mendapat secara falsafah dan implikasinya selari dengan perjuangan strategi Rasulullah (s.a.w.), yang bermatlamatkan membentuk negara Islam.

- (x) Di antara kejayaan dalam bentuk kuantitatif strategi PAS ialah berjaya memerintah Kelantan (1959-1971) dan Terengganu (1959-1961) serta pernah bersama berkongsi kuasa di peringkat pusat melalui pembentukan kerajaan campuran pada (1973-1978). Dalam pada itu, PAS juga pernah lahir sebagai parti pembangkang yang paling ramai menghantar wakilnya di peringkat parlimen. Dalam pada itu, melalui kejayaan strategi menyaksikan PAS mendapat sokongan majoriti orang-orang Melayu apabila 65 % undi masyarakat Melayu memilih kepada PAS tahun 1999. Realiti ini sekaligus menjadikan PAS sebagai sebuah parti orang Melayu terkuat di Malaysia.
- (xi) Manakala pada skala kualitatif pula kejayaan terbesar PAS ialah mampu menjadi kuasa pendesak utama kepada pihak berkuasa. Ia mencapai ke tahap klimaks apabila kerajaan mengistiharkan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam sebagai satu usaha mereda sokongan rakyat terhadap PAS. Rentetan dari itu, mula berlaku beberapa perbincangan berkaitan isu negara Islam seperti perlaksanaan hudud, konsep negara Islam, jihad, Islam Hadari dan seumpamanya.
- (xii) Terdapat dua masalah utama yang mengekang pengaruh politik PAS daripada terus maju secara agresif. Pertama sikap golongan non muslim yang masih fobia dengan imej PAS yang mahu membentuk negara Islam. Keadaan menjadi lebih parah apabila ruang untuk menerangkan kepada mereka tentang konsep negara Islam agak terbatas. Lebih malang apabila PAS sering diberikan imej yang agak

negatif oleh pelbagai pihak. Kedua ialah ialah kekurangan tenaga manusia terutama mereka yang menyumbang secara *all-out* dan *full time* untuk PAS.

- (xiii) Antara masalah-masalah lain yang dikenal pasti sehingga memperlambat kemajuan strategi PAS ialah konflik pandangan berbeza di kalangan pemimpin PAS, kegagalan memaksimumkan tenaga kerja, kekurangan ketara sumber dan saluran, kejahilan melampau sebahagian umat Islam, manipulasi media massa dan elektronik oleh pihak-pihak tertentu terhadap PAS dan perbezaan ideologi di kalangan pangkatan pembangkang.

(5.2) CADANGAN

Cadangan-cadangan yang perlu diketengahkan sebagai hasil kajian ialah seperti berikut:

(a) CADANGAN KEPADA PAS

- (i) PAS hendaklah berusaha secepat mungkin membuka keahlian PAS kepada golongan non muslim Ini kerana PAS tidak mungkin dapat memerintah secara bersendirian dengan hanya bergantung kepada undi masyarakat Melayu semata-mata, sedangkan dalam masa yang sama masyarakat non muslim membentuk hampir 45% daripada undi keseluruhan pada musim pilihan raya. Bagi merialisasi cadangan ini, perlembagaan parti PAS pada bab empat, Fasal 8 hingga 15 hendaklah dipinda

dengan memperuntukkan satu ruang khas untuk menerima keahlian non muslim. Strategi ini akan menampakkan kesungguhan PAS dalam menarik minat non muslim untuk bersama dengan partinya dan bukan hanya dilihat sebagai gimik politik semata-mata. Realiti ini sekaligus memperlihatkan bahawa PAS bukan parti untuk orang Melayu Islam sahaja, bahkan turut dimenangi oleh semua agama dan bangsa. Realiti sekaligus akan dapat memperkasakan PAS di pentas arena politik tanah air.

- (ii) Memandangkan majoriti penggundi ialah golongan remaja yang rata-rata mereka minat kepada suasana berhibur, maka tiba masanya bagi PAS menggunakan pendekatan kesenian dan hiburan secara pro aktif bagi menarik golongan remaja dan anak-anak muda. Ini dapat dilaksanakan dengan menyelit pada program-program PAS dengan unsur kesenian. Sebagai contoh, setiap ceramah yang diadakan hendaklah diselit dengan persembahan hiburan yang Islamik seperti nasyid, pentomen, dan seumpamanya. Realiti ini akan menarik minat remaja kepada PAS.
- (iii) Bagi mengukuhkan dana ekonomi PAS, maka dicadangkan agar Bendahari PAS Pusat dengan dibantu oleh bendahari PAS di setiap negeri, kawasan dan cawangan hendaklah memastikan setiap ahli PAS menyumbang kepada parti sebanyak satu ringgit sebulan. Mekanisme yang dicadangkan ialah dengan membuat potongan gaji wajib setiap bulan. Seandainya keahlian PAS mencecah angka satu juta orang, bererti PAS mempunyai pendapatan tetap sebanyak RM satu juta sebulan. Ini sudah pasti mampu memacu kearah memperteguh ekonomi parti yang sekaligus dapat menggerakkan jentera PAS.

(iv) Memaksima peranan golongan koperat, profesional dan orang kenamaan yang ada di dalam PAS. Ini kerana mereka mempunyai rangkaian dan pengaruh tersendiri di tengah masyarakat. Realiti ini diharap mampu memikat sejumlah besar masyarakat pertengahan dan golongan elit lain untuk menyertai PAS. Justeru mekanisme yang dicadang bagi merialisasi maksud tersebut ialah dengan PAS membentuk satu team atau diberi nama kumpulan ‘bangsawan’. Dari itu, mereka dikehendaki bekerja secara *teamwork* berdasarkan *booklet/guidelines* yang digariskan oleh pucuk pimpinan PAS.

(v) PAS hendaklah mengkaji semula pendirian yang sedia ada daripada dilihat terlalu ghairah menonjolkan idea pembentukan negara Islam yang bersifat *eksklusif* (meminggirkan), kepada isu-isu *inklusif* (merangkumi) terhadap nilai-nilai semasa yang lebih anjal dan mendesak. Justeru, PAS dicadang agar mencari isu-isu yang bertepatan dengan keprihatinan, keimbangan, kepentingan dan kewajaran suasana setempat maupun nasional. Sebagai contoh, isu pengganguran, rasuah, ketidakadilan sosial, nilai demokrasi tulin dan seumpamanya hendaklah di ‘*high-light*’ kan. Ia amat penting bagi mencetuskan suasana, iklim dan *mood* masyarakat untuk menyokong PAS. Bahkan beberapa aspek yang membabit kenyataan yang sering dianggap keras, menyerang pribadi, sompong, bercakap besar, dan tidak merendah diri hendaklah diubah kepada suasana yang lebih mesra dan penyayang.

(vi) Dalam aspek penampilan imej dan perwatakan, terdapat beberapa sikap yang dikenalpasti kurang memuaskan seperti kekurangan berinteraksi secara *vertical* dan *horizontal*, lemah penampilan diri, kurang bersedia menerima pandangan orang lain, selesa dengan cara sendiri dan seumpamanya. Fenomena ini hanya melambatkan proses kemajuan PAS di masa-masa akan datang. Justeru dicadangkan agar PAS mewujudkan kursus ‘Hubungan Kemanusiaan Secara Praktikal’ bagi menampilkan imej yang yang lebih bersifat *simpatetik*, *empatik*, mudah bergaul dan mesra agar dapat menarik masyarakat.

(b) CADANGAN KEPADA PIHAK BERKUASA

(i) Menginsafi bahawa tugas sekalian manusia samada di peringkat individu mahupun pihak berkuasa ialah untuk merialisasikan perintah Allah (s.w.t.) seperti beribadah, menunaikan amanah Islam dan melaksanakan sistem pemerintahan Islam. Justeru, sewajarnya pihak berkuasa melaksanakan hukum dan syariah Islam di peringkat bernegara dengan menjadikan Rasulullah (s.a.w.) sebagai idola dan panduan. Usaha ‘*amal ma’rūf* dan *nahy munkar* tidak hanya wujud secara slogan semata-mata tetapi nampak dan terserlah kewujudannya di medan realiti.

(c) CADANGAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA

- (i) Rakyat Malaysia seharusnya memberi peluang untuk diperintah melalui sistem pemerintahan Islam. Ini kerana pemerintahan Islam sahaja mampu memberi kesejahteraan dan keadilan yang hakiki kepada semua pihak termasuk mereka yang tidak menganut Islam. Di samping mampu memberikan norma-norma kehidupan yang lebih baik dan gemilang bukan sahaja untuk penganutnya semata-mata, bahkan turut dikongsi bersama dengan semua penganut agama lain.
- (ii) Berusaha bersama-sama menjadikan agenda perpaduan nasional sebagai usaha yang dikongsi bersama tanpa mengira etnik kaum, agama maupun keturunan. Ini kerana perpecahan hanya mengundang padah terutamanya membuka ruang kepada penjajahan buat kali yang berikutnya.